


## Model Teori Behaviourisme.

### Model Hanaffin dan Peck



(Jamalludin Harun dan Zaidatun Tasir, 2003)

Model Hanaffin dan Peck ini mengandungi tiga fasa utama iaitu fasa analisis keperluan, fasa reka bentuk dan fasa pembangunan-pelaksanaan. Setiap fasa melalui proses penilaian dan penyemakan yang dilakukan secara berterusan.

#### **Fasa Analisis**

- Menentukan kepakaran guru dalam mengendalikan pengajaran berbantuan TMK
- Menentukan objektif yang hendak dicapai
- Menentukan pengetahuan sedia ada murid-murid dalam mengendalikan komputer, perisian dan internet

Proses ini merupakan proses yang agak rumit kerana kesesuaian penggunaan internet dan pensepaduan TMK perlu dipertimbangkan sewajarnya oleh guru. Ketiga-tiga elemen iaitu kepakaran guru, objektif dan pengetahuan sedia ada murid-murid perlu dihalusi sebelum guru merangka struktur pembelajaran.

#### **Fasa Reka Bentuk dan Perancangan**

- Menyediakan folder
- Menurunmuatkan alamat tapak-tapak yang berkenaan
- Menentukan aktiviti
- Menentukan latihan, dan juga penilaian pencapaian objektif
- Memastikan kaedah penyampaian maklumat semasa di bilik darjah
- Menentukan isi kandungan, dan juga sistem penerokaan

## **Fasa Pembangunan dan Pelaksanaan**

- Menyusun folder dan kaedah pautan
- Menggunakan enjin pencari
- Melaksanakan aktiviti yang telah dirancang
- Pengintegrasian KMT/Kecerdasan Pelbagai
- Perbincangan dan Pembentangan
- Penambahbaikan

## **Penilaian dan Penyemakan**

- Menentukan kepraktikalan penggunaan bahan internet
- Menentukan pencapaian objektif
- Menyemak kesesuaian bahan
- Menyemak KMT/KP yang telah dieksploitasi
- Merangsang keseronokan belajar